

Subscribe

Share ▼

Past Issues

Transl

Use this area to offer a short teaser of your email's content. Text here will show in the preview area of some email clients.



14 September 2012
Isu 1



Jadilah sukarelawan Nurul Izzah:

- Sebagai Polling Agent/Counting Agent untuk PRU13
- Sebagai doktor, jururawat, guru tuisyen
- Sumbangan dana: 'Ahli Parlimen Lembah Pantai'
A/C: 5641 2834 5008
Maybank - Bangsar Baru

Rumah Terbuka Aidilfitri Lembah Pantai 2012

Ahad, 9 Sep - YB Nurul Izzah, Ahli Parlimen Lembah Pantai, telah mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di Perumahan Pantai Permai di Pantai Dalam dengan jayanya. Dianggarkan seramai 5,000 orang hadir di majlis ini, yang dianjurkan Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai dengan kerjasama KEADILAN Cabang Lembah Pantai dan Nurul Izzah Club.

Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang dan ketua umum KEADILAN, dan Datuk Seri Dr Wan Azizah, Presiden KEADILAN, merupakan antara pimpinan tertinggi parti dan wakil badan-badan bukan kerajaan yang hadir. Bas Jelajah Merdeka Rakyat, yang dipenuhi tompok cat merah akibat serangan samseng politik, turut kelihatan!

[Klik untuk lihat gambar program.](#)

YB Kesal Provokasi

9 Sept - Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Nurul Izzah

Program Akan Datang

- 22 Sept, 8.30mlm - Dialog penduduk di Devi's Corner, Bangsar Baru
- 24 Sept - Mula sesi Parlimen
- 29 Sept, 8mlm - Pesta Tanglung, Taman Seri Sentosa

Ikuti YB Nurul Izzah di



Facebook



Twitter

Anwar kesal dengan tindakan provokasi pihak tidak bertanggungjawab ketika persiapan rumah terbuka Pakatan Rakyat Lembah Pantai Ahad lalu.

Beliau berkata, sukarelawan dan tenaga kerja terlibat terpaksa berjaga sehingga lewat pagi kelmarin kerana bimbang berlaku sebarang tindakan sabotaj terhadap persiapan yang dibuat.

"Mereka memasang bendera parti mereka dan membuat bising. Petugas terpaksa berjaga-jaga dan jam 5 pagi baru boleh balik. Mereka bimbang terjadi apa-apa kepada khemah dan sebagainya," katanya kepada *Sinar Harian*.

(Dipetik dari akhbar *Sinar Harian*, 11hb Sept 2012)

Anak Muda Masa Depan Lembah Pantai



Khamis, 6 Sep - YB Nurul Izzah telah turun ke SJK(T) Jalan Bangsar, Bangsar Utama untuk memberi sokongan kepada murid-murid Darjah 6 yang menghadapi ujian UPSR minggu ini.

Memahami bahawa anak muda merupakan masa depan negara yang perlu diberi galakan tatkala berjaya, YB Nurul Izzah turut memberikan sumbangan sebuah laptop kepada adik Muvendran yang telah mendapat 7A dalam UPSR tahun lalu. Laptop ini telah disumbangkan sekumpulan sukarelawan dan penyokong dari Lembah Pantai.

Sebarakan!

Seperti yang kita semua maklum, Ahli Parlimen Lembah Pantai (dan Pakatan Rakyat amnya) selalu mengalami kesukaran menyebarkan maklumat yang tepat dan benar melalui media arus perdana.

Walaupun bahan cetak seperti handbil dan leaflet amat berguna, namun jalan penyelesaian yang lebih ekonomi juga perlu diguna. Oleh itu, kami di Pejabat YB Nurul Izzah meminta jasa baik tuan/puan untuk bantu menyebarkan maklumat program-program YB Nurul Izzah sama ada dengan

- mengajak kawan-kawan (terutamanya yang tinggal di Lembah Pantai) untuk sertai berita mingguan Kanta Lembah Pantai ini
- menghantar berita mingguan Kanta Lembah Pantai ini kepada kawan-kawan
- mencadangkan cara-cara baru/lain untuk mewar-warkan berita terkini berkaitan Ahli Parlimen Lembah Pantai

Terima kasih!

- Tim YB Nurul Izzah

Copyright © 2012 Ahli Parlimen Lembah Pantai, All rights reserved.



[unsubscribe from this list](#) | [update subscription preferences](#)